

BAB LIMA

PENUTUP

Setelah dikaji dalam bab-bab terdahulu *manhaj* dakwah secara umum sebagai landasan atau kerangka teori kepada kajian ini, bab kedua tentang latar belakang al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy yang menjadi tokoh kajian ini, bab tiga tentang *manhaj* dakwah al-Sakandariy secara khusus dan bab empat pula tentang pengaruh dakwah beliau di Malaysia, maka bab lima atau bab terakhir ini akan mengemukakan rumusan atau kesimpulan terhadap keseluruhan kajian ini dan juga cadangan-cadangan yang dianggap perlu untuk memperkuatkan kajian ini. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama memuatkan rumusan atau kesimpulan terhadap keseluruhan kajian ini. Adalah diharapkan agar rumusan dan kesimpulan yang dikemukakan ini dapat menggambarkan secara keseluruhan isi kandungan kajian ini terutamanya tentang *manhaj* dakwah al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy dan pengaruhnya di Malaysia. Bahagian kedua pula mengandungi cadangan-cadangan atau saranan-saranan yang dianggap relevan dan perlu ke arah memanfaatkan kajian ini sama ada dalam bidang akademik berhubung kajian-kajian *manhaj* dakwah atau dalam realiti pengamalan dan penghayatan dakwah di negara ini demi memantapkan *manhaj* dakwah yang sedia ada di Malaysia.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menepati kehendak *al-Qur’ān al-Karīm* dan *al-Sunnah* atau dalam erti kata yang lain menepati sebahagian daripada *manhaj* dakwah Rasulullah (s.a.w.). *Manhaj* tersebut antara lain ialah *manhaj tazkiyat al-nafs*, *manhaj mujāhadah al-nafs*, *manhaj muhāsabah* diri atau *lawm al-nafs* dan *manhaj targhib* dan *tarhib*. Setelah diteliti keseluruhan *manhaj-manhaj* dakwah ini bolehlah disimpulkan bahawa kesemua *manhaj* tersebut tidak terkeluar daripada batasan atau lingkungan tiga *manhaj* utama yang telah diutarakan dalam bab satu yang merupakan landasan teori kajian, iaitu *manhaj al-hikmah*, *al-maw’zah al-hasannah* dan *al-mujādalah al-husnā*. Keseluruhan *manhaj* ini lebih menjurus kepada aspek pendidikan rohani (*tarbiyah rūhiyyah*). Keseluruhan *manhaj* dakwah beliau telah diambil kekuatannya daripada *al-Qur’ān al-Karīm* dan *al-hadīth*. Prof. Dr. Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī telah berusaha dalam kitabnya yang berjudul *al-Hikam al-‘Atā’iyyah: Syarḥ wā Taḥlīl* untuk menemukan dalil-dalil *syar’iy* untuk kesemua hikmah-hikmah yang terkandung dalam kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* satu persatu. Demikian juga dilakukan oleh para *syurrāḥ* yang lain seperti al-Syaykh al-Imām Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn ‘Abd Allāh al-Nafziy al-Rindiy (723-792H/1332-1390M) dalam karyanya *Ghayth al-Mawāhib al-‘Aliyyah Bi Syarḥ al-Hikam al-‘Atā’iyyah*, al-Syaykh Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Ajibah al-Ḥasaniy (1160-1224H/1747-1809M) dalam karya *Īqāz al-Himam fī Syarḥ al-Hikam* dan al-Syaykh Zarrūq iaitu Aḥmad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Isā al-Burnūsiy (846-899H/1442-1493M) dalam karyanya *Syarḥ al-Hikam* dan lain-lain.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandari menepati kehendak *al-Qur’ān al-Karīm* dan al-Sunnah atau dalam erti kata yang lain menepati sebahagian daripada *manhaj* dakwah Rasulullah (s.a.w.).

Manhaj tersebut antara lain ialah *manhaj tazkiyat al-nafs*, *manhaj mujāhadah al-nafs*, *manhaj muhāsabah* diri atau *lawm al-nafs* dan *manhaj targhib* dan *tarhib*. Setelah diteliti keseluruhan *manhaj-manhaj* dakwah ini bolehlah disimpulkan bahawa kesemua *manhaj* tersebut tidak terkeluar daripada batasan atau lingkungan tiga *manhaj* utama yang telah diutarakan dalam bab satu yang merupakan landasan teori kajian, iaitu *manhaj al-ḥikmah*, *al-maw’ẓah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah al-ḥusnā*. Keseluruhan *manhaj* ini lebih menjurus kepada aspek pendidikan rohani (*tarbiyah rūḥīyyah*). Keseluruhan *manhaj* dakwah beliau telah diambil kekuatannya daripada *al-Qur’ān al-Karīm* dan *al-hadīth*. Prof. Dr. Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī telah berusaha dalam kitabnya yang berjudul *al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah: Syarḥ wā Taḥlīl* untuk menemukan dalil-dalil *syar’iy* untuk kesemua hikmah-hikmah yang terkandung dalam kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah* satu persatu. Demikian juga dilakukan oleh para *syurrāḥ* yang lain seperti al-Syaykh al-Imām Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn ‘Abd Allāh al-Nafziy al-Rindiy (723-792H/1332-1390M) dalam karyanya *Ghayth al-Mawāhib al-‘Aliyyah Bi Syarḥ al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah*, al-Syaykh Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Ajībah al-Ḥasaniy (1160-1224H/1747-1809M) dalam karya *Iqāz al-Himam fī Syarḥ al-Ḥikam* dan al-Syaykh Zarrūq iaitu Aḥmad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Isā al-Burnūsiy (846-899H/1442-1493M) dalam karyanya *Syarḥ al-Ḥikam* dan lain-lain.

Kajian ini mendapati bahawa *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy sesuai dengan persekitaran masyarakat Islam pada zamannya dan terus relevan untuk diamalkan pada zaman ini. Ini kerana *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang berorientasikan *manhaj sūfiy* dan menitikberatkan soal pendidikan rohani (*tarbiyah rūhiyyah*) didapati amat relevan dengan keperluan umat Islam pada zamannya yang sangat kecewa dengan perkembangan umat Islam dan para pemimpinnya pada ketika itu, terutamanya sebelum dan sesudah kejatuhan Baghdad (656H/1258M). Kemiskinan dan kesengsaraan akibat peperangan yang berterusan, penindasan politik dan ekonomi yang teruk, ketakutan dan ancaman kekacauan dan lain-lain fenomena keruntuhan telah menyebabkan sebilangan umat Islam mencari jalan keluar menerusi kedamaian hati dan ketenangan jiwa. Keadaan yang sama melanda umat Islam di Malaysia (juga dunia Islam umumnya) pada zaman Tuk Pulau Manis yang menyaksikan penjajahan orang Eropah terhadap negara-negara umat Islam yang membawa kepada penindasan, kemiskinan, terkongkong dan pelbagai masalah lain sehingga jiwa mereka menjadi lemah. Pada zaman moden pula, umat Islam turut menghadapi pelbagai kemelut terutama pada dekad ini akibat kejatuhan Afghanistan dan Baghdad ke tangan penceroboh Amerika. Perpecahan politik dalam negara Islam, kemiskinan, tekanan ekonomi yang berpanjangan, fenomena keruntuhan masyarakat (jenayah, gejala sosial dan lain-lain) menjadikan jiwa-jiwa yang lemah memerlukan rawatan yang sesuai. Keadaan perpecahan umat Islam di kalangan umat Islam di Malaysia juga memerlukan formula rawatan yang sama, iaitu pendidikan rohani (*tarbiyah rūhiyyah*). Justeru *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang banyak menumpukan kepada soal pemulihan jiwa masih sangat relevan untuk umat Islam pada zaman kini, sama ada di dunia

Islam secara umumnya dan Malaysia khususnya. Justeru, hal ini boleh dianggap sebagai sebab utama kenapa *manhaj* dakwah al-Sakandariy yang berorientasikan *tarbiyah šūfiyyah* mendapat sambutan hebat dan bertapak kukuh di negara ini, sama halnya dengan sambutan yang diberikan terhadap karya-karya sufi yang lain.

Kajian ini juga mendapati bahawa *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy dalam kitab-kitabnya kelihatan selari dengan amalan tarekat *Syādhiliyyah* yang menjadi medium praktik bagi dakwahnya. Hal ini dapat dibuktikan daripada hal-hal seperti prihatin mereka terhadap penjagaan ibadah seperti *dhikr* atau *ahzāb*, *mujāhadah al-nafs*, mengutamakan penghayatan amali terhadap sifat-sifat *maḥmūdah* dalam kehidupan dan lain-lain. Ini semua adalah bentuk-bentuk keselarian antara teori dalam doktrin tasawuf yang tercerita dalam *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* dan amalan dalam tarekat *Syādhiliyyah*. Satu bukti besar berhubung hal ini ialah dokongan pengikut-pengikut tarekat lain terhadap kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* seperti tarekat *Ahmadiyyah* dan tarekat *Naqsyabandiyyah* sehinggakan dalam konteks Malaysia, rata-rata pengamal tarekat bukan *Syādhiliyyah* menjadikan kitab ini sebagai bahan pengajaran untuk menjelaskan *uṣūl* tasawuf dan doktrinnya. Ini adalah kerana –berdasarkan pengakuan pemimpin-pemimpin tarekat berkenaan- sebahagian besar isi kandungan *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* bersesuaian dengan amalan yang ada dalam tarekat mereka. Apabila keserasian ini boleh terjadi antara *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* dengan tarekat-tarekat yang berlainan, maka sudah tentu keserasian yang amat intim pasti berlaku antara teori-teori dan *manhaj* dakwah dalam kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* dengan praktik amali tarekat *Syādhiliyyah*.

Kajian ini pada awalnya menjangkakan bahawa pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy di Malaysia adalah ‘agak besar’ pada

suatu masa dahulu menerusi dua medium utama; menerusi karya agungnya *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dan *Tariqah Syādhiliyyah*. Namun apabila kajian yang lebih menyeluruh dibuat, bolehlah disimpulkan bahawa pengaruh *manhaj* dakwah al-Saykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy di Malaysia adalah 'sangat besar' pada satu zaman masa dahulu di Malaysia, terutamanya pada period zaman tradisional dan dalam sektor dakwah-tasawuf. Ini dapat disimpulkan kerana kajian mendapati hampir keseluruhan tokoh ulama Melayu yang tersohor di zaman lampau mempunyai kaitan sama ada dengan karya-karya al-Sakandariy seperti kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* (yang dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab) dan karya-karyanya yang lain, atau dengan tarekat *Syādhiliyyah*. Mereka yang terlibat merangkumi sama ada tokoh ulama yang pernah menuntut ilmu di luar negara seperti Mekah atau yang hanya menuntut di dalam negara seperti di pondok-pondok. Antara tokoh-tokoh ulama tersohor itu ialah seperti Tuk Pulau Manis atau al-Saykh 'Abd al-Malik bin 'Abd Allāh (w1149H/1736M), al-Saykh Haji 'Abd al-Şamad bin Haji 'Abd Allāh Pulai Chondong (1207-1290H/1792-1874M) dan al-Saykh Wan 'Aliy bin 'Abd al-Rahmān Kütān (1837-1912M), al-Saykh Abdul Samad bin Muhammad Salleh yang masyhur dengan gelaran Tuan Tabal (1816-1891M), al-Saykh Muhammad Yusuf bin Ahmad yang masyhur dengan gelaran Tuk Kenali (1868-1933M), Mufti Haji Wan Musa bin Abdul Samad (1874-1939M), al-Saykh Muhammad al-Syāfi'iyy ibn Muhammad Şālih ibn 'Abd al-Rahmān yang masyhur dengan gelaran Tuk Shafie (w1950M), al-Saykh 'Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy dan lain-lain. Ini tidak termasuk tokoh ulama bukan Malaysia seperti al-Saykh 'Abd al-Şamad al-

Falimbāniy,⁸⁷⁶ al-Syaykh Ismā‘īl ibn ‘Abd Allāh al-Minangkabāwiy (w1280H/1863M), al-Syaykh Aḥmad ibn Muḥammad Zayn al-Fatāniy (w1326H) dan lain-lain. Ada beberapa faktor yang mempengaruhi kepesatan pengaruh ini. Antaranya kewujudan lompong sesudah berlakunya fitnah aliran tasawuf yang dipanggil *wujūdiyyah* di Aceh yang menyaksikan banyak karya-karya Hamzah Fansuri (w1016H/1607M) dan Syams al-Dīn al-Sumatrā’iy (w1630M) dimusnahkan atas desakan al-Syaykh Nūr al-Dīn al-Ranīriy (w1658M). Kedua, kelewatan kedatangan pengaruh kitab-kitab karya tasawuf lain (seperti karya al-Imām al-Ghazzāliy (450H/1059M-505H/1111M). Ketiga, perkembangan industri percetakan yang membantu penyebaran kitab *Hikam Melayu* secara meluas di mana puluhan cetakan ulangan dilakukan terhadap kitab ini semenjak tahun 1300H/1882M. Cetakan *Maṭba‘ah al-Mīriyyah* di Mekah sahajapun telah mencetak kitab *Hikam Melayu* ini sekurang-kurangnya sebanyak sepuluh kali, iaitu cetakan-cetakan pada tahun 1300H/1882M, 1302H/1984M, 1309H/1892M, 1313H/1895M, 1317H/1899M, 1318H/1900M, 1320H/1902M, 1321H/1903M, 1323H/1905M dan 1328H/1910M)⁸⁷⁷. Ini tidak termasuk cetakan *Maṭba‘ah al-Taraqqī al-Majīdiyyah* di Mekah (1328H/1910M dan 1330H/1912M), Sulaymān Mar‘iy di Singapura, cetakan Surabaya, Pulau Pinang, Cerebon dan lain-lain termasuk *Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Halabiyy* di Mesir⁸⁷⁸ dan percetakan *Ibn Hilābiy* di Patani yang tidak diketahui berapa kali cetakan

⁸⁷⁶ Namun, al-Syaykh ‘Abd al-Šāmad al-Falimbāniy juga boleh dianggap sebagai ulama Melayu Malaysia jika disandarkan kepada sejarah kewafatan beliau yang diriwayatkan berlaku di negeri Kedah pada tahun 1244H (1828M) dalam satu perang jihad melawan tentera penceroboh Siam. Lihat M. Chatib Quzwain (Dr.), 1996, Mengenal Allah: Satu Kajian Mengenai Ajaran Tasauf Syeikh Abdul Samad al-Palimbani, Kuala Lumpur: Thinker’s Library Sd. Bhd., h. 6.

⁸⁷⁷ Shaghir, Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah (1993), *Penjelasan Nazham Syair Shufi Syeikh Ahmad al-Fathani*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 131.

⁸⁷⁸ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 132.

ulangan yang mereka lakukan. Keempat, kegigihan tokoh-tokoh ulama yang menyebarkan kitab ini di samping faktor kesederhanaan isi kandungan kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* itu sendiri.

Kajian ini juga merumuskan bahawa *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy telah tersebar secara meluas menerusi kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*. Hal ini hampir tidak dapat dinafikan lagi berdasarkan kepada sambutan yang sangat besar terhadap kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* semenjak ia diperkenalkan pada zaman Tuk Pulau Manis sehingga kini yang menyaksikan puluhan cetakan ulangan yang dilakukan kepada naskhah kitab itu oleh beberapa syarikat percetakan sama ada oleh dua percetakan di Mekah, Mesir, Surabaya, Penang, Cerebon dan Thailand. Demikian juga dari segi penggunaan kitab tersebut yang meliputi hampir keseluruhan pondok-pondok di Malaysia, walaupun bukan semua. Sementara medium kedua iaitu tarekat *Syādhiliyyah* hanya mendapat sambutan pada zaman tradisional sahaja, sedangkan pada zaman sekarang perkembangan tarekat tersebut amat kecil dan sangat sukar diketemukan orang yang mengamalkannya.

Akhirnya, kajian ini juga merumuskan bahawa *manhaj* dakwah Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy yang menepati kehendak *al-Qur'an al-Karīm* dan al-Sunnah serta bersesuaian dengan keadaan latar belakang masyarakat Islam Malaysia telah mendapat dokongan yang baik dari kalangan tokoh ulama tempatan dan mendapat pengaruh yang baik dari kalangan umat Islam. Secara kebetulan, keadaan dan latar belakang umat Islam di Malaysia suatu ketika dulu memang sangat dahagakan *tarbiyah rūhiyyah* sekaligus menjadi faktor penerimaan *manhaj* dakwah al-Sakandariy yang berorientasikan aliran kesufian ini.

5.3 CADANGAN

Seterusnya kajian ini ingin mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan perlu dan bermanfaat kepada umat Islam dan kepada perkembangan dakwah Islamiah di Malaysia. Dicadangkan agar hasil kajian ini dimanfaatkan dalam beberapa bentuk, antaranya ialah sebagai berikut:

5.3.1 *Manhaj* dakwah al-Sakandariy adalah *manhaj* yang berorientasikan penyucian jiwa atau *manhaj tarbawiy šūfiy* yang sangat berguna dalam pembinaan individu Muslim yang berkualiti. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, ia telah menyumbang dalam usaha merawat jiwa umat Islam yang bermasalah pada zaman beliau yang menghadapi pelbagai masalah seperti yang telah dinyatakan dalam bab dua. *Manhaj* dakwah beliau seterusnya digunakan berabad-abad selepas itu terutama oleh pencinta tasawuf dalam menyeru dan mendidik masyarakat Islam untuk menghayati ajaran Islam termasuklah di Malaysia sejak zaman Tuk Pulau Manis lagi. *Manhaj* ini kekal digunakan sehingga ke hari ini, terutamanya dalam konteks tarekat *Syādhiliyyah*. Justeru, adalah wajar difikirkan secara serius bagaimanakah caranya untuk memanfaatkan *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allah al-Sakandariy ini dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ia boleh dimanfaatkan dalam pelbagai sektor termasuklah pendidikan seperti di sekolah, kolej dan universiti; sektor pekerjaan seperti di pejabat-pejabat kerajaan dan juga pejabat swasta, di kilang-kilang dan juga dalam sektor kehidupan masyarakat secara umum. Dicadangkan agar pihak-pihak berkuasa agama di Malaysia berusaha mengambil manfaat daripada *manhaj* dakwah al-Syaykh al-Sakandariy ini untuk menyemarakkan lagi pembangunan sumber manusia dan perkembangan dakwah Islamiah. Walau bagaimanapun, penggunaan *manhaj* ini perlu dilakukan secara saksama dan bersepadan menerusi penggubalan modul khusus berasaskan

manhaj tersebut. Ini adalah kerana *manhaj* dakwah beliau masih berserakan dalam *turāth* beliau. Penyelidikan ini pula bersifat menghuraikan *manhaj* tersebut dan bukannya penyusunannya dalam bentuk sukanan atau silibus. Justeru, satu usaha berasingan diperlukan untuk menggubal modul dakwah yang sesuai demi merealisasikan cita-cita ini.

5.3.2 Seterusnya, rentetan daripada cadangan di atas, maka dicadangkan pula agar beberapa modul bersepadan digubal berpandukan kepada *manhaj* dakwah al-Sakandariy. Modul-modul yang dicadangkan itu akan mengambil kira kesesuaian tahap-tahap sasaran atau penggunanya. Sebagai contoh, modul khusus untuk para pendakwah, pegawai agama, guru agama di sekolah, kolej dan universiti serta imam-imam masjid harus disesuaikan dengan tahap keilmuan agama yang mereka miliki untuk mencapai matlamat melahirkan *role model* dalam masyarakat. Modul ini akan menekankan soal-soal yang lebih khusus dan menjurus dalam melahirkan pemimpin masyarakat yang mampu pula memainkan peranan yang sewajarnya, sebagaimana al-Sakandariy berjaya melahirkan murid-muridnya yang bertaraf pemimpin. Aspek penyucian jiwa ke tahap maksimum perlu dijadikan bahan asas penggubalan modul untuk golongan yang memimpin masyarakat ini. Sebagai contoh, modul ini harus mengemukakan huraian cara-cara mengenali sifat-sifat keji nafsu yang menjadi masalah dalam masyarakat Islam secara terperinci dan cara merawatnya secara praktikal dengan cara menjadikan sebahagian wirid-wirid yang diamalkan oleh al-Syaykh al-Sakandariy sebagai asas ramuan pengubatan tersebut. Latihan-latihan yang berat seperti *qiyām al-layl* yang berat, zikir yang banyak, solat yang banyak perlu dimasukkan dalam modul ini sesuai dengan tahap mereka yang tinggi dalam bidang agama dan kepimpinan masyarakat Islam yang memerlukan tahap kekentalan jiwa dan keteguhan iman

yang lebih tinggi. Sementara modul untuk sekolah pula harus sesuai dengan tahap pelajar dan matlamat penggubalannya untuk melahirkan para pelajar yang cemerlang dalam pelajaran dan juga cemerlang dalam penghayatan Islam terutamanya dalam aspek ibadah, tauhid dan akhlak. Modul ini harus bermula dengan penekanan kepada soal-soal mengenal diri, sama ada mengenal kekuatan-kekuatan diri mahupun kelemahan-kelemahan diri, mengenal dan menggilap potensi-potensi diri, hati, roh, akal, minda dan nafsu yang dikurniakan oleh Allah yang mana unsur-unsur ini boleh dipertingkatkan lagi kualitinya menerusi *tarbiyah rūhiyyah*. Demikian juga, perkara-perkara yang sesuai untuk tahap ini ialah memperkuuhkan nilai-nilai murni dalam jiwa pelajar seperti ikhlas, jujur, amanah, tawakal, sabar, syukur, tawaduk dan lain-lain sifat yang mulia. Usaha menanam nilai-nilai murni dalam masyarakat termasuk pelajar telah lama dijalankan oleh pihak kerajaan dan kementerian. Justeru, modul yang digubal seharusnya bersifat membantu memperkuuhkan apa yang sedia ada dan menokok tambah perkara yang belum ada. Modul ini juga harus menekankan persoalan bagaimana cara membersihkan jiwa menerusi beberapa amalan kerohanian yang sesuai dengan tahap mereka seperti beberapa zikir ringkas pada waktu pagi dan petang yang mampu diamalkan oleh pelajar tanpa mengganggu waktu mereka belajar dan mengulangkaji pelajaran tetapi berkesan dalam melahirkan jiwa yang suci. Demikian juga untuk golongan pekerja dan orang awam elok digubal satu modul yang bersesuaian dengan mereka. Huraihan terperinci tentang persoalan penyakit masyarakat dan cara-cara merawatnya harus menjadi keutamaan dalam penggubalan modul ini. Antara penyakit masyarakat yang selalu dititik beratkan oleh al-Syaykh al-Sakandariy termasuklah penyakit lupa lalai terhadap amanah sebagai seorang hamba Allah (s.w.t.) dalam kehidupan

ini, penyakit tidak ikhlas yang menjelma dalam sifat *riyā'*, *'ujub*, *takbur*, *sum'ah* dan lain-lain. Penyakit lain yang mesti ditekankan ialah seperti penyakit cintakan dunia, hasad dengki, cintakan kemegahan, sukakan kemasyhuran dan lain-lain. Sebenarnya penyakit masyarakat Islam pada zaman dahulu seperti yang didedahkan oleh al-Syaykh al-Sakandariy adalah sama sahaja dengan penyakit umat Islam hari ini. Kelemahan sebenar umat Islam bukan terletak pada kekurangan harta atau ilmu, tetapi terletak kepada kekurangan penghayatan terhadap ajaran Islam yang sebenar dan menghidap penyakit rohani yang amat kritikal. Di samping mendedahkan apakah penyakit, maka harus didedahkan kepada mereka apakah pula ubat mujarab untuk menyembuhkan penyakit tersebut. Justeru, persoalan ini harus diseimbangkan dengan huraian terperinci tentang sifat-sifat mulia agar ia mampu menggantikan sifat-sifat keji yang merupakan penyakit masyarakat Islam hari ini. Rawatan secara praktikal harus dikemukakan oleh modul ini seperti amalan zikir pada tahap-tahap tertentu. Dengan ini, modul tersebut akan mampu menangani sebahagian masalah penyakit masyarakat Islam yang sangat besar kesannya terhadap kesejahteraan kehidupan bermasyarakat. Deangan cara ini, *manhaj* dakwah al-Sakandariy akan mampu memainkan semula peranannya yang positif dalam masyarakat Islam seperti yang pernah dimainkan suatu masa dahulu. Modul-modul ini hendaklah dipasarkan secara profesional kepada masyarakat secara terbuka menerusi badan-badan seperti IKIM yang banyak mengendalikan kursus-kursus kepada masyarakat Islam di negara ini dan juga syarikat-syarikat konsultan yang mengendalikan kursus-kursus motovasi dan latihan untuk masyarakat Islam. Setakat ini, modul kursus yang berdasarkan *manhaj* dakwah al-Syaykh al-Sakandariy secara khusus belum ditawarkan oleh mana-mana pihak termasuklah IKIM. Yang ada hanyalah

beberapa cebisan dari pelbagai pihak kesufian secara berserakan. Dengan cara ini, adalah diharapkan agar rawatan penyakit masyarakat akan lebih tersebar dalam bentuk yang lebih tersusun, komprehensif dan mempunyai aspek praktikal. Semua modul yang bakal digubal mestilah menjadikan *manhaj* dakwah al-Sakandariy yang dikupas dalam kajian ini sebagai rujukan asas agar ia tidak terkeluar daripada kehendak asal al-Syaykh al-Sakandariy supaya matlamat yang mahu dicapai dapat terlaksana.

5.3.3 Dicadangkan agar dilakukan kajian terhadap al-Syaykh al-Sakandariy yang mencakupi bidang lain seperti kaunseling, psikologi, pendidikan dan lain-lain. Kajian seumpama ini sangat penting untuk menonjolkan bidang-bidang tersebut pada kaca mata Islam di samping menonjolkan ketokohan al-Sakandariy dalam bidang berkaitan. Ini adalah kerana secara umumnya ahli sufi mempunyai kebolehan yang baik dalam bidang-bidang yang dinyatakan tersebut. Kajian tersebut seharusnya dilakukan menerusi kitab-kitab al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang lain selain kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* secara mendalam. Ini adalah kerana kitab-kitab beliau yang lain juga mempunyai nilai keilmuan yang tinggi di samping dua daripada karya tersebut sudahpun diusahakan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu iaitu yang berjudul *Tāj al-‘Arūs al-Ḥāwi li-Tahdhīb al-Nuṣūs* dan *Tanwīr al-Qulūb fī Isqāt Tadbīr al-‘Uyūb* yang telah diusahakan terjemahannya oleh al-Syaykh ‘Uthmān al-Funtiyāni ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy. Dicadangkan juga agar dilakukan usaha menterjemah karya-karya al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang lain selain karya *al-Hikam*, *Tāj al-‘Arūs al-Ḥāwi li-Tahdhīb al-Nuṣūs* dan *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr* yang masih dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu moden. Penterjemahan ini boleh membantu pengkaji tasawuf memahami pemikiran al-

Sakandariy secara lebih mendalam. Penterjemahan semula dalam bahasa Melayu moden juga boleh dilakukan terhadap karya *al-Hikam*, *Tāj al-'Arūs al-Hāwi li-Tahdhīb al-Nufūs* dan *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr* kerana kesemua terjemahan yang ada masih berbahasa Melayu klasik. Disamping itu, dicadangkan juga agar dilakukan usaha menterjemah karya-karya berdasarkan *al-Hikam* seperti beberapa syarahnya yang masyhur seperti syarah Ibn 'Abbād, Ibn 'Ajibah, Zarrūq, al-Būtiy dan lain-lain. Penterjemahan ini boleh membantu pengkaji tasawuf memahami isi kandungan *al-Hikam* secara lebih mendalam berasaskan huraian yang muktabar.

5.3.4 Dicadangkan juga agar kajian lanjut dilakukan terhadap *Hikam Melayu*. Ia boleh meliputi aspek *tahqīq nūshūs*, pemudahan bahasa klasiknya, syarah terhadap mana-mana isi kandungan *Hikam Melayu* yang sukar difahami dan lain-lain. Usaha seumpama ini amat wajar dilakukan kerana kitab asal *Hikam Melayu* dalam bahasa Melayu klasik dan tanpa suntingan itu sudah dianggap terlalu sukar untuk dibaca dan dimanfaatkan oleh generasi kini. Satu huraian moden dari aspek bahasa dan isi kandungan yang komprehensif terhadap karya berasaskan *al-Hikam* sangat wajar dilakukan oleh ulama Malaysia. Huraian moden ini pasti akan dapat membantu umat Islam di Malaysia untuk memahami isi kandungan *al-Hikam* berbanding huraian-huraian cara lama dan sekaligus dapat membantu mereka beramal dengan isi kandungannya. Pendekatan moden harus digunakan demi menyelamatkan pembaca daripada tenggelam lemas dalam huraian yang meleret panjang tanpa dibimbing untuk mengutip isi-isu utama yang harus dibongkar daripada matan *al-Hikam al-'Atā'iyyah*. Setakat ini huraian moden yang agak komprehensif hanya diusahakan oleh ulama dari Indonesia tetapi tidak ada seorangpun ulama Malaysia yang melakukan usaha seumpama ini. Usaha ini pasti akan mengembalikan zaman kegemilangan pengajian kitab *al-*

Hikam di Malaysia kerana kemalapan pengajian kitab ini pada zaman ini antara sebab utamanya nya ialah kerana ketiadaan bahan bacaan atau kitab menadah yang boleh difahami oleh orang moden.